



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2019/01/03 (HQ)

PROJEK RINTIS NFCP JASIN BERJAYA, 1,100 KEDIAMAN NIKMATI INTERNET BERKELAJUAN TINGGI

Projek Rintis bagi Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (National Fibreisation & Connectivity Plan) (NFCP) yang dibangunkan kerajaan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah berjaya disiapkan lebih awal daripada perancangan, membuka akses internet berkelajuan tinggi atau High Speed Broadband (HSBB) di 1,100 kediaman di Jasin, Melaka.

Menerusi projek rintis ini, penduduk di Kuarters Polis Jasin, Taman Merbau Perdana, Taman Maju dan Felda Kemendor kini dapat menikmati kelajuan internet setaraf negara maju, mencecah 1 gigabit sesaat (1Gbps) pada harga berpatutan.

"Projek ini penting untuk kerajaan menilai aspek teknikal, keselamatan dan keboleh harapan komersial NFCP. Kerajaan dan TNB akan melihat secara keseluruhan hasil projek rintis ini untuk membuat pertimbangan mengenai kemungkinan melaksanakannya pada skala lebih besar di seluruh negara" kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo dalam ucapan perasmian Projek Rintis NFCP, di Jasin Melaka.

Tambah Gobind, menerusi rangkaian telekomunikasi TNB ini juga, kerajaan percaya perkhidmatan internet jalur lebar berkelajuan tinggi akan menjadi lebih terbuka dalam suasana persaingan yang lebih sihat. Secara tidak langsung ini akan mewujudkan lanskap baru pasaran, membolehkan rakyat menikmati perkhidmatan internet lebih pantas dan meluas pada harga berpatutan.

Menurut Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari pula, sekiranya NFCP diperluas ke seluruh negeri, kemudahan internet jalur lebar berkelajuan tinggi ini mampu memberi nilai tambah kepada sektor ekonomi negeri.

"Amatlah tepat apabila pihak kementerian dan TNB memilih Jasin sebagai lokasi projek rintis NFCP. Lebih daripada itu, kejayaan yang dicapai di Jasin ini, sewajarnya ia diperluaskan ke seluruh negeri Melaka. Kalau ia dilaksanakan di negeri ini, pastinya ia boleh dilakukan dalam tempoh lebih singkat," kata Adly.

S.A. 2019/01/03 (HQ)

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie pula berkata, projek rintis ini menjadi satu lagi tanda TNB bukan sahaja memastikan rakyat menikmati bekalan elektrik berdaya harap, malah sentiasa memberi perkhidmatan terbaik dan memperkasa pengguna dari segi penggunaan teknologi.

"Mungkin ramai yang masih belum tahu bahawa wujudnya sistem telekomunikasi seperti ini yang merupakan bahagian penting bagi industri utiliti. Hari ini, dengan berjayanya projek rintis NFCP ini, terbukti rangkaian itu juga boleh digunakan untuk faedah lain buat rakyat" kata Moggie dalam ucapannya.

Penduduk Jasin di tiga kawasan projek rintis ini boleh melanggan pakej perkhidmatan jalur lebar yang ditawarkan lapan Penyedia Perkhidmatan Runcit (Retail Service Providers).

Dikeluarkan di Jasin, Melaka pada 8 Januari 2019, jam 11.00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*